

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 OKTOBER 2013 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	ICT Trends of 2014	The Sun
2.	Percaya Teknologi Tempatan	Harian Metro
3.	BiotechCorp's Effort Paying Off	The Star
4.	Peluang Meneroka Planet Marikh	Kosmo
5.	MAS Tingkat Kesedaran Sains Angkasa	Kosmo
6.	No Serious Effect From Typhoon Nari	The Star

KERATAN AKHBAR
THE SUN (MEDIA & MARKETING) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 16 OKTOBER 2013 (RABU)

ICT trends of 2014

RESULTS of the 2014 Future Trends Research reveal that the top three ICT trends next year will be cloud computing, big data and increased mobility. The three trends are a continuation from 2013 and are expected to accelerate further in 2014.

Sharing his forecasts for next year, Datuk William Ng, managing director of Business Media International states: "Cloud adoption will be driven by both vendor-led ecosystem and government deployment, while big data will see a sharp increase in utilisation, as companies begin to see the benefits of analytics even as costs of manpower increases and time to market shortens."

He expects 2014 to be a year of enterprise mobility, both in terms of telecommuting and deployment of mobile devices to support

efficiency and reduced time versus cost ratio. "Bring your own device' or BYOD is going to be the norm in Malaysia, as companies firm up policies regarding using of own devices. With the rapid increase of smart phones and mobile devices, it is not a 'what-if' situation, but 'what-now' for companies. You either adopt or you are left behind," Ng adds.

Commissioned by Business Media International, the research conducted in July and August 2013 is based on feedback from over 600 respondents in the IT sector. Views comprised those of IT managers, vendors and industry analysts. The results of the research were unveiled at the launch of ITX Asia 2013 in September and was officiated by Deputy Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.



Top : Abu Bakar (third from left) and Ng flanked by models at the launch.

Bottom : Ng and Abu Bakar officiating the launch.



Percaya teknologi tempatan



Mampu jimat kos, untung besar

Oleh Afiq Hanif
afiq_hanif@media-
prima.com.my

Syarikat yang memasarkan produk dan perkhidmatan berkaitan teknologi perlu mempercayai penghasilan tempatan sekali gus menaikkan kualiti dan pencapaian negara sendiri dalam bidang inovasi.

Ketua Pegawai Teknologi MIMOS Berhad (MIMOS), Thillai Raj berkata, ramai dalam kalangan usahawan memandang tinggi nilai produk luar ne-

gara dan memasarkannya meskipun teknologi sama yang dibangunkan secara tempatan sudah dihasilkan.

"Ia sekali gus menyebabkan harga ditawarkan lebih tinggi walaupun produk atau perkhidmatan sama yang juga turut ditawarkan dan dihasilkan syarikat tempatan," katanya.

MIMOS Berhad (MIMOS) adalah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara yang diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau turut mengulas mengenai teknologi MIMOS, Platform Inovasi Ter-

buka (PIT) yang membantu membangunkan lagi industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mereka pada masa depan.

"PIT adalah sistem operasi sumber terbuka yang dicipta MIMOS yang membolehkan pihak lain membina teknologi mereka sendiri untuk membangunkan produk mengikut kesesuaian.

"Kami di Mimos bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berikutan mereka kini membangun dan menjadi keperluan bagi mereka untuk terbabit secara aktif dengan industri ICT," katanya.



THILLAI RAJ

Beliau berkata, bukan mudah untuk terbabit dengan industri teknologi baru malah dalam usaha memastikan mereka boleh membangunkan industri, ICT

memainkan peranan penting.

"Syarikat tempatan cenderung menggunakan teknologi asing bagi mempromosi produk masing-masing, namun mudah gagal mengekalkannya ekoran teknologi terhad.

"Teknologi asing kebiasaannya mengehendakan penggunaan pada tahap tertentu. Ada satu tahap akan tersekat dalam teknologi itu dan tidak dapat pergi lebih jauh," katanya.

Beliau berkata, PIT diwujudkan bagi menyediakan teknologi untuk syarikat Malaysia mengukuhkan inovasi dan produk serta

bersaing dengan peserta lain.

"Kita kurang usahawan dengan industri dan akademik. Kita cenderung menggunakan teknologi asing yang mempunyai sistem 'terkunci' dan peserta ICT sendiri terlalu bergantung kepada dana kerajaan bagi mencipta teknologi sendiri," katanya.

Katanya, Mimos tampil membantu peserta industri ICT dalam bentuk platform itu bagi mengetengahkan teknologi ciptaan dalam negara dan memajukan teknologi berasaskan Malaysia yang 'tidak terkunci' untuk industri.

BiotechCorp's effort paying off

Total revenue of biotechnology companies has hit RM3.5bil, says CEO

By FOO YEE PING
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: President Barack Obama may not have come a-calling at the recent Fourth Global Entrepreneurship Summit 2013 in Kuala Lumpur, but there have been huge collaborations between Malaysian and US companies in bio-technology over the past eight years.

Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp), which has billed itself as an agency to "feed, heal and fuel the world" since 2005, has been unrelenting in its push for a successful bio-economy in Malaysia.

Bioeconomy is the sustainable production and conversion of biomass for a range of food, health, fibre and industrial products and energy to create economic growth, with its evolution facilitated by an increased commercialisation of biotechnology research.

BiotechCorp chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal cited the QB3-Malaysia Programme, which is a collaboration between the Malaysian Government and the California Institute for Quantitative Biosciences (QB3) to develop the biotech ecosystem in Malaysia, as an example.

"This is particularly so in the area of drug discovery to address medical needs and the development of natural product-based therapeutics," he said in an email interview.

"Malaysian bio-entrepreneurs would have direct access to international capital and partnerships, and would gain a foothold to enter the US market in a very capital-efficient manner."

To date, the United States remains in pole position in the international biotechnology market, where it contributes 70% in revenue to the global industry. It is also home to the largest



Nazlee: 'Malaysia has made great strides in making up for lost time.'

global companies, especially in the bio-medical sector.

The World Economic Forum's *Global Competitiveness Index 2013-2014* ranks the United States at No. 5 while Malaysia is placed at No. 24 in terms of the most competitive countries in the world.

"Based on the index, Malaysia ranks second in Asia Pacific in terms of its ability to provide a conducive environment for companies to undertake innovation activities," Nazlee said.

"However, the biotechnology market in Asia

Pacific is outgrowing the United States and Europe at 10.88%," he said.

He said Malaysia, as one of the most competitive biotechnology hubs in the region, had adopted early critical steps in coordinating and harnessing bioeconomy's potential via the implementation of the Bioeconomy Transformation Programme (BTP), which is the driving force of the National Biotechnology Policy (NBP) as well as the platform to boost commercialisation opportunities in biotechnology.

As for the achievements, he cited that the combined total revenue of BioNexus status companies was nearly RM3.5bil so far. BioNexus status is a recognition awarded by the Malaysian Government to qualified companies that participate in and undertake value-added biotechnology activities in Malaysia, and includes fiscal incentives, grants and other guarantees to assist growth.

The award is given via BiotechCorp, an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry responsible for executing the objectives of the NBP. At present, there are 225 BioNexus status companies.

"Malaysia has made great strides in making up for lost time," Nazlee said.

Bioeconomy, he said, would be a "sustainable economy" for Malaysia, as it covered all industries and economic sectors that produce, manage and utilise biological resources such as agriculture, forestry, fisheries, food, wellness, chemicals and renewable energy.

"As a bioeconomy-centric country, we are blessed with abundant natural resources to be exploited for higher-value products. Bioeconomy is the game-changer for the nation, but alongside this driver correlates the need to have access to global innovation and capital along



the entire value chain."

Nazlee noted that government funding and support has been increasing. For example, he said the Government had announced almost RM85mil for the BTP fund.

"The announcement was made at the seventh meeting of the Biotechnology International Advisory Panel 2013 in San Francisco last month," he said.

He pointed out that BiotechCorp had established links with the US biotech industry over the years. "Malaysia has secured major investments by CJ Cheil Jedang, Arkema, Gevo, MetEX, GlycosBio and Verdezyne. The combined investments from these large companies is about RM5bil."

One of the prime events in BiotechCorp's calendar this year will be the BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pacific 2013 Conference & Exhibition in Johor.

To be held from Oct 21 to 23, it will feature biotechnologies, solutions and products from local, regional and international biotechnology firms.

Peluang meneroka planet Marikh

Pelajar-pelajar berpeluang berkomunikasi dengan angkasawan di ISS dan saintis di MCC.

Oleh HAFIZ AHMAD
 mohammadhafiz.ahmad@kosmo.com.my

SUASANA di Bangunan Mikrosatelit, Planetarium Negara hingar-bingar dengan kehadiran pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Suria, Kuala Lumpur. Perasaan teruja terpancar pada wajah masing-masing dengan mulut mereka kelihatan terkumat-kamit seperti sedang menghafal sesuatu.

Kumpulan pelajar seramai 20 orang itu merupakan insan yang bertuah kerana berpeluang berinteraksi secara langsung dengan seorang angkasawan yang berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Komunikasi antara pelajar berusia sembilan hingga 11 tahun itu dengan angkasawan Agensi Angkasa Lepas Eropah (ESA), Luca Parmitano berlangsung selama 11 minit. Jangka masa singkat itu memaksa para pelajar berkenaan bersiap sedia dengan soalan yang hendak dikemukakan.

"Ia pengalaman yang sangat bermakna dan menyeronokkan dalam hidup saya. Tidak semua orang berpeluang merasai pengalaman sebegini," ujar Alvindren Alfred, 11, ketika ditanya mengenai perasaan berinteraksi bersama angkasawan tersebut.

Waktu berinteraksi yang singkat disebabkan oleh kedudukan ISS yang menghampiri orbit Malaysia. Saluran komunikasi antara ISS dan bumi hanya boleh dicapai selepas ia betul-betul berada pada sesuatu orbit.

Disebabkan itu, penerima siaran perlu menunggu ISS berada dalam kedudukan yang tepat bagi mengadakan komunikasi.

Kebenaran

Menurut Pengarah Planetarium Negara, Azreena Ahmad, siaran komunikasi tersebut perlu mendapat kebenaran daripada ISS terlebih dulu yang prosesnya memakan masa selama setahun.

"Pihak Planetarium Negara sangat bertuah kerana setiap tahun kita diberi peluang untuk berinteraksi bersama ISS," ujarnya ketika ditemui pada program sempena Minggu Angkasa Sedunia 2013 di Planetarium Negara baru-baru ini.

Lebih istimewa, pada tahun ini, Agensi Angkasa Negara (Angkasa) mendapat slot pada waktu petang berbanding negara lain yang sebahagiannya perlu menunggu

hingga lewat malam.

"Dahulu, ketika Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha berada di ISS, kami hanya dapat menghubungi beliau pada awal pagi," imbasnya.

Bagi Muhd. Arshad Muhd. Syamem, 9, dia telah menghafal soalan yang hendak ditanyakan kepada Parmitano.

"Sebelum dapat bercakap dengan angkasawan itu, kami perlu menunggu lama membuatkan saya penat dan bosan.

"Namun begitu, saya tetap teruja kerana ia peluang sekali dalam seumur hidup," katanya.

Bagi menjimatkan masa dan mengelakkan gangguan ketika berinteraksi, soalan para pelajar itu telah diberikan lebih awal kepada pihak ISS.

Antara soalan yang ditanyakan pelajar termasuk bagaimana seorang angkasawan merawat diri jika jatuh sakit di angkasa lepas? Parmitano menjawab, ISS mempunyai doktor yang akan merawat mereka.

Radio amatir


Komunikasi tersebut dilakukan dengan menggunakan fasiliti radio amatir yang terdapat di Bangunan Mikrosatelit. Ia dikendalikan oleh pemegang lesen radio ▶▶




MUHD. ARSHAD



ALVINDREN



ORANG ramai berpeluang mempelajari sains angkasa di Planetarium Negara. - Gambar Hiasan



SISTEM radio amatir digunakan untuk berkomunikasi bersama angkasawan yang berada di ISS.



PELAJAR tekun mendengar soalan ketika berlangsungnya pertandingan akhir NSC 2013.



MINGGU Angkasa Sedunia diadakan setiap tahun untuk menghargai kejayaan individu-individu yang menerokai angkasa lepas.

SAMBUNGAN... KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31 TARIKH: 16 OKTOBER 2013 (RABU)



SELAIN ujian bertulis dan lisan, peserta NSC 2013 turut diuji dengan cara penyampaian menarik mengenai sains dan angkasa lepas.

AKSI Parmitano ketika berada dalam kapal angkasa di ISS.

amatur di bangunan itu, Sangat Singh. Pada masa sama, para pelajar berpeluang berinteraksi bersama saintis di Pusat Misi Kawalan (MCC) di Innsbruck, Austria menggunakan aplikasi Google Hangout di Google Plus.

MCC merupakan pusat yang mengawal Stesen Penyelidikan Padang Pasir Marikh di Utah, Amerika Syarikat. Ia merupakan satu pusat uji kaji yang meletakkan beberapa orang saintis dalam satu kren dan menjalani kehidupan seperti berada di Planet Marikh.

Melalui perbualan itu, pelajar berpeluang menanyakan soalan kepada salah seorang saintis MCC iaitu Joshua Nelson. Beliau bukan sahaja menjawab soalan daripada pelajar, malah sempat bergurau senda bersama mereka.

Acara lain

Salah satu soalan yang mencuit hati diberikan oleh Muhd. Arshad yang

bertanyakan kesahihan kewujudan makhluk asing di angkasa lepas.

Nelson menjawab, dia sendiri turut mencari jawapan tersebut. Justeru itu, dia mengajak pelajar-pelajar untuk mencari jawapannya dengan meneroka angkasa lepas.

Sempena Minggu Angkasa Sedunia yang dianjurkan oleh Angkasa, beberapa acara lain turut diadakan selama dua hari iaitu pada 9 dan 10 Oktober lalu.

Antaranya, Cabaran Angkasa Peringkat Kebangsaan Piala Perdana Menteri dan telesidang bersama Stesen Penyelidikan Padang Pasir Marikh.

Bagi Hairun Fatini Roslan, 11, dia lebih seronok ketika berkomunikasi dengan Nelson kerana dapat melihat secara visual dan melihat pejabat MCC melalui video.

"Walaupun sekejap, saya dapat melihat wajah Nelson dan berinteraksi dengan beliau secara

maya," katanya.

Guru pengiring, Sabrina Safarrudin, 32, berpendapat aktiviti di Angkasa itu memberi banyak manfaat kepada para pelajar kerana mereka dapat mempelajari subjek sains secara lebih menyeronokkan.

"Mereka sangat teruja apabila diberitahu bakal berinteraksi bersama seorang angkasawan. Malah, para pelajar bersungguh-sungguh menyediakan soalan termasuk bertanyakan kepada guru subjek sains," ujarnya.

Tambahnya, ketika dalam kelas lagi, para pelajar terbabit menunjukkan rasa seronok dengan bertanya beberapa soalan mengenai angkasa lepas.

"Selain itu, semua pelajar membawa buku nota dengan inisiatif sendiri ke Planetarium Negara. Menurut mereka, buku nota itu untuk ditulis maklumat yang bakal dijadikan jurnal," kata Sabrina.



HAIRUN FATINI



KEJAYAAN angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor menjadi inspirasi kepada generasi muda.

MAS tingkat kesedaran sains angkasa

MINGGU Angkasa Sedunia (MAS) merupakan sambutan tahunan sedunia dalam bidang sains, khususnya sains angkasa. Ia disambut pada 4 hingga 10 Oktober selepas diisytiharkan sebagai

sambutan tahunan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1999.

Tarikh tersebut telah dipilih sempena memperingati kejayaan-kejayaan manusia dalam penerokaan angkasa lepas.

AZREENA

Satelit yang pertama dicipta oleh manusia iaitu Sputnik 1, telah dilancarkan pada 4 Oktober 1957, manakala 10 Oktober 1967 merupakan satu peristiwa penting iaitu Majlis Menandatangani Perjanjian Angkasa Lepas.

Program tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat seluruh dunia tentang kepentingan sains dan teknologi angkasa, selain menggalak-



JUARA NSC 2013 dari Sekolah Kebangsaan St. Francis, Melaka. Dari kiri, Justin, Nor Aini Mat Saed (guru pengiring) dan Muhammad Nazhif bersama piala kemenangan.

kan penggunaan angkasa untuk pembangunan lestari.

Tahun ini tema yang dipilih ialah *Meneroka Marikh dan Bumi*. Ia dipilih kerana perhatian meluas yang diberikan oleh seluruh dunia. Planet itu dikatakan sebagai Bumi Kedua oleh

para saintis angkasa lepas kerana berdasarkan penemuan beberapa persamaan dengan Bumi.

Pengarah Planetarium Negara, Azreena Ahmad berkata, aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah berlandaskan penerokaan planet Marikh seperti tele-

sidang bersama saintis yang melakukan projek penerokaan Marikh.

"Dalam pada itu, kami juga mengadakan Cabaran Angkasa Peringkat Kebangsaan Piala Perdana Menteri 2013 (NSC 2013) secara serentak dengan Minggu Angkasa Sedunia.

"Kebetulan pemilihan tarikh yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia jatuh pada acara tahunan tersebut," ujarnya.

NSC 2013 adalah program yang direka khas untuk mencungkil bakat dan memupuk minat dalam kalangan pelajar sekolah rendah tahun empat dan lima terhadap bidang astronomi dan sains angkasa.

Pertandingan kali ke-16 ini disertai oleh 30 peserta akhir yang mewakili 12 negeri dan tiga wilayah persekutuan.

Mereka diuji tentang bidang sains angkasa seperti matahari, pembinaan roket, kapal angkasa, sut angkasawan dan teleskop.

Ia telah dijuarai oleh Sekolah Kebangsaan St. Francis, Melaka yang diwakili oleh Justin Peter Royal, 11, dan Muhammad Nazhif Mohd. Shamsul, 11.

No **serious** effect from Typhoon Nari

Spokesman: Only strong winds and rough seas expected

PETALING JAYA: A typhoon currently raging in central Vietnam will not have any serious effect here aside from rough seas along Sabah and Sarawak's coasts.

A Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) spokesman said Typhoon Nari, which moved from the South China Sea to Vietnam, will only have a "minimum impact" on local weather.

"There's no possibility that the storm is going to move here.

"There's nothing to worry about," the spokesman told *The Star* yesterday.

According to an advisory on the MetMalaysia website, the typhoon

was about 1,189km north-east of Kota Baru, Kelantan, and about 532km north-east of Vietnam's Ho Chi Minh City.

It added that as of 2pm Tuesday, the storm was moving west-south-westwards at a speed of 15kph.

The typhoon may cause strong winds and rough seas off Miri, Labuan and Sabah's west coast, interior and Kudat.

The spokesman said the storm was expected to dissipate in about 36 hours from yesterday afternoon.

Reuters reported that more than 122,000 people had been evacuated from Vietnam provinces, including Quang Nam, and also Danang city on

late Monday.

It was reported that the typhoon hit the Vietnamese coast with speeds of up to 102kph, and that hundreds of homes had been damaged.

In an unrelated matter, MetMalaysia said there was no sign of a tsunami near Sabah following an earthquake that hit the central Philippines yesterday morning.

An e-mail from the department said the earthquake measuring 7.2 on the Richter scale hit Mindanao, about 810km from Sandakan, at about 8.12am.

"There are no warnings for a tsunami hitting Malaysian waters," the department said.